

Undang-undang sewaan lindungi hak penyewa, pemilik hartanah

Kuala Lumpur: Kerajaan bercadang memperkenalkan undang-undang sewaan di negara ini bagi melindungi hak pemilik hartanah dan penyewa.

Bagi tujuan itu, Kementerian Kewangan akan berbincang dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta Kementerian Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata undang-undang itu diharap dapat menggalakkan lagi pasaran sewaan di Malaysia yang kini sekitar 24 peratus, jauh terlalu rendah ber-

banding negara maju.

"Malaysia masih tidak memiliki undang-undang untuk melindungi pihak yang menyewa dan pemberi sewa seperti diamalkan di negara maju termasuk United Kingdom (UK).

"UK ada undang-undang melindungi pihak menyewa dan pemilik hartanah. Jika ada pertikaian di antara kedua-dua pihak, ia akan diadu dan diselesaikan oleh tribunal khas.

"Jadi, rakyat ada tempat menyelesaikan pertikaian mereka berbanding tindakan undang-undang seperti saman dan bawa ke mahkamah yang memerlukan kos

sangat mahal serta tempoh lama," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di luar Sidang Kemuncak Hartanah dan Perumahan Kebangsaan Ke-20 di sini, semalam.

Hapuskan stigma

Katanya, menerusi undang-undang itu, kedua-dua pihak akan lebih tenang untuk memberi sewa dan menyewa selain menghapuskan stigma kediaman sewaan hanya untuk golongan kurang mampu serta miskin.

"Pihak yang menyewa akan lebih tenang jika mengetahui hak me-

reka dilindungi kerana pemilik hartanah tidak boleh melanggar kedudukan sebagai pemberi sewa dan menyalah guna deposit tiga bulan penyewa.

"Pemilik hartanah juga akan lebih terjamin bila tahu asetnya akan dijaga dengan baik. Jika pihak menyewa bermasalah, dia akan disenarai hitam dan sukar cari tempat lain untuk disewa.

"Ini kerana akan ada satu pusat data mengumpul semua senarai pihak yang menyewa dan pemberi sewa seperti biro kredit untuk memeriksa sejarah individu berkenaan sekiranya ada masalah sebelum ini," katanya.



UK ada undang-undang melindungi pihak menyewa dan pemilik hartanah. Jika ada pertikaian di antara kedua-dua pihak, ia akan diadu dan diselesaikan oleh tribunal khas"

Johari Abdul Ghani,
Menteri Kewangan II